

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-

status terkini penuntutan semula tunggakan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) dari penjana-penjana kuasa bebas (IPP) yang telah ditangguh disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan tindakan Kementerian memastikan tunggakan dikutip.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian masih meneruskan usaha untuk menuntut semula tunggakan daripada penjana-penjana elektrik mengikut jadual bayaran ansuran yang telah dipersetujui dengan syarikat-syarikat tersebut. Penjana-penjana elektrik telah mula melaksanakan pembayaran sumbangan tertangguh mulai Julai 2020 mengambil kira penguatkuasaan PKP dan penstrukturan semula Kementerian sebelum ini. Bagi tempoh Julai hingga Oktober 2020, jumlah tunggakan yang telah dikutip oleh AAIBE ialah RM 38.43 juta. Baki sebanyak RM 105.69 juta dijangka akan dikutip sepenuhnya pada tahun 2021.

2. Kementerian memantau perkara ini secara konsisten melalui Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik dan peringatan secara berkala turut diberikan kepada penjana-penjana elektrik. Setakat ini, semua penjana elektrik memberikan kerjasama yang baik dalam menyelesaikan tunggakan sumbangan. Sekian, terima kasih.